

KELESTARIAN PENGAGIHAN DANA ZAKAT DI BAITUL MAL ACEH¹

Zahri Hamat²

Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV)

Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia

11800 Minden, Pulau Pinang

E-mel : zahri@usm.my, Tel : 04 - 653 2800

Faks : 04 - 653 2124

Abstrak

Kertas ini bertujuan menganalisis kelestarian pengagihan dana zakat kepada penerima zakat dalam bentuk pembiayaan mikro yang dilakukan oleh Baitul Mal Aceh. Persoalannya ialah, apakah zakat boleh diagihkan dalam bentuk pembiayaan mikro kerana zakat adalah pindahan hak milik dana zakat kepada penerima zakat? Apatah lagi ia dibuat secara *qardul hasan* dan *mudarabah*. Dapatan analisis mempamerkan Baitul Mal Aceh mengagihkan dana zakat melalui pembiayaan mikro kepada tiga sektor. Pertama ialah sektor perdagangan; kedua ialah sektor pertanian; dan ketiga ialah sektor penternakan. Pembiayaan mikro untuk sektor perdagangan dan sektor pertanian secara *qardul hasan*, manakala untuk sektor penternakan secara *mudarabah*. Dapatan analisis juga mempamerkan pungutan balik daripada pembiayaan mikro tersebut melebihi daripada 75 peratus. Implikasinya ialah, pengagihan dana zakat melalui pembiayaan mikro ini mempamerkan wujudnya kelestarian dalam pengagihan dana zakat. Ia bukan sahaja mampu mewujudkan satu dana pusingan, malah agihan zakat dapat dibuat secara berterusan walaupun amaun pungutan zakat mungkin terjejas.

PENDAHULUAN

Kelestarian dalam pengagihan dana zakat bermaksud pengagihan dana zakat dapat dibuat secara berterusan walaupun amaun pungutan zakat tahunan terjejas. Untuk mencapai tujuan tersebut, pengagihan dana zakat dalam bentuk sara hidup bukan lagi dibuat secara langsung sebaliknya, pengagihan tersebut dibuat secara tidak langsung melalui agihan zakat produktif. Dengan kata lain, hasil daripada zakat yang diagihkan dalam bentuk produktif akan digunakan untuk membiayai sara hidup mereka. Dengan itu, penerima zakat dalam jangka masa tertentu, diharapkan mampu berubah status daripada penerima zakat kepada pembayar zakat (Rusjdi Ali Muhammad, 2003). Antara kaedah bagi merealisasikan pengagihan zakat bentuk produktif ini ialah penyediaan modal pusingan daripada dana zakat melalui pembiayaan mikro.

¹ Kertas dibentangkan di *International Seminar Economic Regional Development, Law and Governance in Malaysia and Indonesia* anjuran Universiti Utara Malaysia dan Universiti Islam Riau di Pekan Baru, Riau pada 7 - 9 Jun 2010.

² Zahri Hamat ialah pensyarah di Bahagian Perancangan dan Pengurusan Pembangunan, dan Ahli Jawatankuasa Pengurusan, Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia.

Pembiayaan mikro bermaksud, pembiayaan untuk perusahaan dan perniagaan kecil yang bertujuan untuk membantu golongan miskin mengubah kehidupan mereka ke arah yang lebih baik. Persoalannya, apakah pembiayaan mikro dengan menggunakan dana zakat itu dibenarkan oleh Islam? Sekiranya dibenarkan, apakah *aqad al-qard al-hasan* dan *aqad mudharabah* boleh digunakan bagi pembiayaan mikro tersebut? Apakah ada institusi zakat di negara Islam yang telah menyediakan modal kerja melalui pembiayaan mikro?

Kertas ini bertujuan untuk menganalisis kelestarian pengagihan dana zakat melalui pembiayaan mikro yang dilaksanakan di Baitul Mal Aceh. Untuk tujuan tersebut, maka kertas ini dibahagikan kepada tiga bahagian. Bahagian pertama ialah untuk menerangkan isu tentang pindahan hak milik dana zakat kepada penerima zakat. Isu mengenai bentuk agihan zakat yang timbulkan oleh ulamak klasik dan ulamak kontempori turut diterangkan. Bahagian kedua ialah untuk meneroka pengagihan dana zakat dalam bentuk zakat produktif. Instrumen fiqh seperti *al-qardul al-hasan* dan *mudharabah* untuk pembiayaan mikro turut diteroka. Bahagian ketiga ialah untuk menerangkan pembiayaan kredit mikro yang sedang dilaksanakan oleh Baitul Mal Aceh. Ia melibatkan tiga sektor iaitu sektor perdagangan, sektor pertanian dan sektor penternakan. Di bahagian akhir akan dirumuskan bahawa kelestarian dalam pengagihan dana zakat dapat direalisasikan antara lain melalui pembiayaan mikro. Dana pusingan yang diwujudkan mampu memastikan agihan zakat dapat dibuat secara berterusan.

PENGAGIHAN ZAKAT DAN ISU PINDAHAN HAK MILIK

Golongan yang layak menerima agihan zakat telahpun ditetapkan oleh Allah s.w.t. Ini berikutan dengan rungutan daripada Abdullah b. Dhi al-Khuwaysirah al-Tamimi yang meminta Rasulullah s.a.w berlaku adil dalam pengagihan zakat.³ Bagaimanapun tindakan tersebut telah ditegur oleh Allah s.w.t. Mereka sepatutnya berpuas hati dengan tindakan Rasulullah s.a.w.⁴ Allah s.w.t

³ Dilaporkan daripada Abu Said al-Khudri, Rasulullah s.a.w bersabda yang bermaksud: "Semasa Nabi s.a.w sedang membahagikan harta, Abdullah b. Dhi al-Khuwaysirah al-Tamimi datang kepadanya dan berkata: "Berlaku adillah wahai Rasulullah!" Maka Rasulullah menjawab: "Celakalah kamu. Siapakah yang akan berlaku adil kalau aku tidak adil" (sehingga katanya) Maka turunlah ayat (maksudnya): Dan antara mereka ada yang mencelamu (wahai Muhammad) tentang (pembahagian) sedekah-sedekah (zakat) (al-Bukhari, No. 6933).

⁴ Allah s.w.t berfirman yang bermaksud: "Dan antara mereka ada yang mencelamu (wahai Muhammad) mengenai (pembahagian) sedekah-sedekah (zakat); oleh itu jika mereka diberikan sebahagian daripadanya (menurut kehendak mereka), mereka suka (dan memandang adil), dan jika mereka tidak diberikan dari zakat itu (menurut kehendaknya), maka dengan serta merta mereka marah. Dan (amat baiknya) kalau mereka berpuas hati dengan apa yang diberikan oleh Allah dan Rasul-Nya kepada mereka, sambil mereka berkata: "Cukuplah Allah bagi kami, Allah akan memberikan kepada kami dari limpah kurnia-Nya, demikian juga Rasul-Nya; sesungguhnya kami sentiasa berharap kepada Allah" (al-Tawbah, 9: 58 - 59).

seterusnya menyebut lapan golongan asnaf yang berhak menerima dana zakat dengan firman-Nya yang bermaksud:

“Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakirdan orang-orang miskin dan amil-amil yang mengurusnya dan orang-orang muallaf yang dijinakkan hatinya dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya dan orang-orang yang berhutang dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana” (al-Tawbah, 9 : 60).

Lapan golongan penerima zakat atau asnaf yang berhak menerima dana zakat ini dikenali sebagai asnaf lapan. Ayat asnaf lapan ini mengandungi unsur kesusasteraan yang amat halus (Hasanah Abd Khafidz, 2006). Allah s.w.t dalam ayat tersebut menggunakan lafaz *li* dan *fi* semasa menyebut golongan yang berhak menerima dana zakat. Lafaz *li* digunakan untuk asnaf fakir, miskin, amil dan muallaf. Lafaz *fi* pula disebut sebanyak dua kali. Pertama ialah untuk hamba dan orang yang berhutang. Kedua ialah *fi sabilillah* dan *ibn sabil*.

Lafaz *li* ini berasal daripada huruf *lam* yang tergolong dalam huruf *lam al-idafah* iaitu *lam* yang digunakan bagi menyandarkan sesuatu kepada pemiliknya atau menisbahkan sesuatu yang boleh dimiliki kepada orang yang berhak memilikinya. Antara *lam al-idafah* ialah *lam al-mulk* iaitu pemilikan dan *lam al-tamlik* iaitu pindahan hak milik. Di sini Allah s.w.t menyatakan pemilikan harta zakat adalah hak mutlak golongan fakir, miskin, amil dan muallaf. Golongan ini mempunyai kebebasan untuk menggunakan harta yang diterima mengikut kehendak masing-masing (Hasanah Abd Khafidz, 2006).

Lafaz *fi* pula tergolong dalam *al-hurf* iaitu perkataan yang tidak menunjukkan apa-apa makna jika bersendirian. Ia akan memberikan makna jika diletakkan dengan perkataan lain dalam susunan ayat. Kebanyakan ulamak menyatakan penggunaan *fi* dalam pengagihan zakat kepada golongan hamba, orang yang berhutang, *fi sabilillah* dan *ibn sabil* adalah berkaitan dengan kemaslahatan. Mereka sama sekali tidak mempunyai hak peribadi terhadap harta tersebut (Hasanah Abd Khafidz, 2006).⁵

⁵Oleh itu zakat yang diberikan kepada asnaf hamba sebenarnya adalah milik tuannya yang digunakan sebagai penebus atau pembebasan hamba. Begitu juga dengan asnaf yang lain iaitu zakat yang diberikan kepada orang yang berhutang digunakan untuk menyelesaikan hutang, zakat kepada asnaf *sabilillah* untuk perkara yang berkaitan dengan jihad, penuntut ilmu dan sebagainya, manakala asnaf *ibn al-sabil* pula bagi menampung kos meneruskan perjalanan.

Walaupun pemilikan harta zakat adalah hak mutlak golongan fakir, miskin, amil dan muafaf, namun kaedah perpindahan hak milik itu boleh disesuaikan dengan keperluan dan keadaan semasa. Hal ini kerana antara tujuan zakat ialah untuk pembangunan asnaf zakat sama ada dalam bidang sosial, ekonomi, pendidikan dan kerohanian (Mujaini Tarimin, 2005). Dalam bidang ekonomi, antara kaedah yang dipakai ialah melalui pengagihan zakat melalui zakat produktif.

Pengagihan zakat produktif melalui penyediaan modal kerja telah dibahaskan oleh ulamak klasik sama ada dalam kalangan ulamak Shafi'i ataupun ulamak Hanbali. Mereka mengharuskan modal kerja diagihkan kepada asnaf. Imam An-Nawawi misalnya membahaskan secara khusus tentang modal kerja ini (Mujaini Tarimin, 2005).⁶ Beliau merumuskan antara lain pertama ialah modal kerja boleh disediakan dalam bentuk peralatan ataupun tunai sesuai dengan kemahiran masing-masing. Peralatan pertukangan disediakan kepada tukang kayu dan modal perniagaan disediakan kepada peniaga atau pedagang. Kedua ialah amaun modal perniagaan pula diagihkan sesuai dengan bidang perniagaan yang diceburi. Peniaga sayur-sayuran dan buah-buahan misalnya sebanyak lima hingga dua puluh dinar. Peniaga minyak wangi sebanyak satu ribu dinar, penjual pakaian sebanyak dua ribu dinar, pengurup wang sebanyak lima ribu dinar dan perniagaan intan berlian sebanyak sepuluh ribu dinar.

Imam al-Nawawi turut menyebut, agihan dalam bentuk pelaburan boleh disediakan kepada penerima zakat yang tidak produktif. Misalnya penerima zakat yang tidak mampu berniaga disebabkan sakit kekal atau tiada kemahiran walaupun diberikan latihan, mereka bolehlah diberikan zakat dalam bentuk pelaburan. Hasil dari pelaburan tersebut diberikan kepada mereka untuk kegunaan diri sendiri dan tanggungan. Pelaburan tersebut boleh dijadikan harta pusaka.

Ulamak kontemporari turut membahaskan pengagihan dalam bentuk pelaburan. Mereka telah mencadangkan sedikit perubahan. Menurut mereka pemerintah dibolehkan membuat pelaburan dalam projek-projek perkilangan dan perladangan bagi pihak penerima zakat. Antara mereka

⁶ Mujaini Tarimin (2005) menukilkan dari Imam An-Nawawi dengan katanya, "fakir dan miskin harus mendapat agihan zakat dalam bentuk modal pelaburan seperti dibelikan alat-alat mengikut kemahiran masing-masing supaya mereka boleh mendapat keuntungan demi memenuhi keperluan harian mereka. Jika golongan fakir dan miskin merupakan seorang tukang kayu, agihan itu harus digunakan untuk membeli alat-alat pertukangan selengkapnya. Jika ia seorang peniaga, berikanlah modal secukupnya bersesuaian dengan perniagaan yang mereka ceburi. Contohnya, peniaga sayur-sayuran dan buah-buahan memerlukan modal sebanyak lima hingga dua puluh dinar. Penjual minyak wangi satu ribu dinar, penjual pakaian dua ribu dinar, pengurup wang lima ribu dinar dan perniagaan intan berlian sepuluh ribu dinar. Bagi asnaf yang tidak mampu berniaga disebabkan sakit kekal atau tiada kemahiran walaupun diberikan latihan bolehlah dibelikan aset sebagai modal pelaburan yang dapat menampung diri dan tanggungannya serta menjadi harta pusaka."

ialah Mustaffa al-Zarqa' dan Yusuf al-Qaradawi (Mujaini Tarimin, 2005). Mustaffa al-Zarqa menyebut bahawa:

“Saya berpendapat apa-apa cara sekalipun pelaburan yang diceburi bertujuan untuk mengembangkan lagi agihan zakat, satu menjadi dua, dua menjadi tiga dan seterusnya. Pelaburan tersebut hendaklah dikelolakan pegawai yang beramanah dan dilaburkan kepada projek yang tiada berisiko tinggi. Pelaburan tersebut melibatkan bidang perniagaan, pembuatan atau apa-apa juga pelaburan yang boleh mendapatkan keuntungan yang halal.”

Yusuf al-Qaradawi (1993) turut berpendapat pemerintah diharuskan melabur sama ada dalam sektor perindustrian, hartanah ataupun pertanian. Beliau menyebut seperti berikut:

“Berdasarkan aliran pemikiran untuk mengkayakan orang miskin, adalah diharuskan bahagian yang dipertanggungjawabkan mengurus institusi zakat, jika banyak hasil kutipan dan banyak sumber zakat yang boleh dikutip, mendirikan kilang atau industri atau membeli tanah pertanian atau membina bangunan atau gedung perniagaan atau sesuatu program untuk menambah sumber pendapatan yang dihakmilikkan kepada fakir dan miskin untuk menampung pendapatan tetap mereka. Hak milik mereka tidak boleh dipindah milik kepada orang lain atau dijual. Jadikan hak milik mereka seperti harta wakaf.

Kalangan ulamak klasik dan ulamak kontemporari mempamerkan tidak berlaku perbezaan pendapat terhadap pelaburan daripada dana zakat dengan syarat pelaburan tersebut dimiliki oleh penerima zakat. Malah mereka turut berpendapat, harta pelaburan tersebut turut boleh dijadikan harta pusaka.

PENGAGIHAN ZAKAT PRODUKTIF DAN PEMBIAYAAN MIKRO

Armiadi Musa Basyah (2009) telah menganalisis perbezaan pendapat antara ulamak klasik dengan ulamak kontemporari terhadap pengagihan zakat. Jadual 1 mempamerkan mereka berbeza pendapat tentang tiga isu. Pertama ialah isu tentang *aqad al-tamlik*. Kedua ialah isu tentang *aqad al-qard al-hasan*. Ketiga ialah isu tentang pelaburan saham.

Isu pertama ialah tentang hak milik agihan zakat. Ulamak klasik berpendapat bahawa pengagihan zakat mestilah dibuat dalam bentuk *aqad al-tamlik*. Dengan itu harta zakat yang diterima adalah hak milik mutlak penerima zakat. Ulamak kontemporari sebaliknya berpendapat bahawa pengagihan zakat tidak semestinya dalam bentuk *aqad al-tamlik*. Ia boleh disesuaikan dengan keperluan semasa dan keadaan semasa.

Jadual 1 : Pendapat Ulama Terhadap Pengagihan Zakat

Bil.	Ulamak Klasik	Ulamak Kontemporari
1.	Pengagihan zakat mestilah dalam bentuk <i>aqad al-tamlik</i> dan ia adalah mutlak.	Pengagihan zakat tidak semestinya dalam bentuk <i>aqad al-tamlik</i> sesuai dengan keadaan semasa.
2.	<i>Aqad al-qard al-hasan</i> tidak dibenarkan.	<i>Aqad al-qard al-hasan</i> dibenarkan, malah <i>aqad mudarabah</i> turut dibenarkan demi <i>maslahah</i> .
3.	Pengagihan zakat dalam bentuk pelaburan saham tidak dibenarkan.	Pengagihan zakat dalam bentuk pelaburan saham yang asnaf zakat sebagai pemilik dibenarkan.

Sumber : diubahsuai dari Armiadi Musa Basyah (2009: 77)

Isu kedua ialah tentang *aqad al-qard al-hasan*. Ulama klasik berpendapat bahawa *aqad al-qard al-hasan* tidak dibenarkan. Hal ini kerana harta zakat adalah hak milik mutlak penerima zakat. Ulama kontemporari pula berpendapat bahawa *aqad al-qard al-hasan* adalah dibenarkan bahkan mereka berpendapat *aqad mudarabah* turut dibenarkan. Kedua-dua akad ini dibenarkan demi *maslahah* umat Islam dan keperluan semasa.

Isu ketiga ialah tentang pemilikan saham. Ulama klasik berpendapat bahawa pengagihan zakat dalam bentuk pelaburan saham tidak dibenarkan. Pelaburan mestilah dalam bentuk pelaburan sebenar bukannya sekadar dalam bentuk pegangan hak milik. Namun ulama kontemporari berpendapat bahawa pengagihan zakat dalam bentuk pelaburan saham dibenarkan dengan syarat pemilikinya ialah penerima zakat.

Untuk isu pertama dan isu kedua, ia mempamerkan hubungannya dengan penggunaan perkataan *li dan fi* iaitu pindahan hak milik dalam pengagihan zakat. Namun pengagihan zakat melalui pembiayaan mikro, bayaran balik kepada pemerintah bukanlah bermakna dana zakat tersebut menjadi hak pemerintah. Bayaran balik itu sebenarnya dana zakat yang diagihkan semula kepada penerima zakat yang lain yang hak mereka sebelum ini sedikit tertunda (Armiadi Musa Basyah, 2009).

Pendapat daripada ulama kontemporari ini tidak terkeluar daripada ketetapan nas. Mereka sebenarnya mengemaskini nas berdasarkan kepentingan semasa dan setempat dengan sedikit pengubahsuaian disebabkan timbulnya keperluan kepada umat. Keperluan tersebut ialah memberi kemaslahatan kepada umat dan menjauhkan dari kesukaran. Kemaslahatan yang digunakan bukan bermakna menjadikan akal sebagai sandaran utama tetapi ia berdasarkan

iktibar hukum yang umum sehingga tidak tersasar daripada *maqasid al-syari'ah* (Armiadi Musa Basyah, 2009). Dengan kata lain, ulamak kontemporari melihat kepada *maqasid* kefarduan zakat itu sendiri. Ini bersesuaian dengan apa yang disebut oleh Ibn Qayyim al-Jauzi (1975) iaitu berubah dan berbezanya fatwa sesuai dengan perubahan tempat, masa, keadaan masyarakat, niat dan adat kebiasaan.

Malah Armiadi Musa Basyah (2009) berpendapat, pengagihan zakat dalam bentuk modal kerja melalui pembiayaan mikro ini dikategori peringkat *tahsiniyah* iaitu peringkat terendah selepas *hajiyah* dan *daruriyah*.⁷ Segala usaha untuk memenuhi keperluan *tahsiniyah* menimbulkan hukum sunat, manakala tindakan mengabaikan keperluan *tahsiniyah* menimbulkan hukum makruh. Pembiayaan mikro oleh itu boleh dilakukan walaupun pungutan zakat masih belum dapat memenuhi keperluan asas untuk semua masyarakat).

Hal ini ada hubungan dengan *masalah ammah* dan *masalah khassah*. Dengan itu, menurut Ridzwan Ahmad (2008), apabila berlakunya pertembungan kedua-dua *masalah* itu, maka *masalah ammah* lebih diutamakan daripada *masalah khassah* iaitu individu. Menurut beliau, mengutamakan *masalah ammah* tidak akan menjejaskan masalah individu. *Masalah daruriyah, hajiyah dan tahsiniyah* ada yang dikategorikan dalam *ammah* dan ada termasuk dalam *khassah*. Apabila berlaku pertembungan antara kedua *masalah* ini, maka *masalah* yang lebih penting diutamakan.

Menurut Muhammad Yasir Yusuf (2010), pengagihan zakat dalam bentuk modal kerja melalui pembiayaan mikro tidak bertentangan dengan konsep *masalah ammah* yang ingin dicapai.⁸ Zakat yang diberikan melalui pembiayaan mikro kepada satu penerima zakat dalam jumlah tertentu dimaksudkan untuk memberikan kesempatan kepada mereka untuk berusaha secara lebih maksimum dengan adanya modal kerja yang cukup. Mereka oleh itu mampu membebaskan diri daripada kemiskinan dan pada akhirnya diharapkan akan menjadi pembayar zakat. Hal ini pula tidak akan menjejaskan *masalah* individu penerima zakat lain. Sebab modal zakat produktif yang telah diberikan tersebut akan dikembalikan semula oleh penerima kepada institusi zakat untuk diagihkan kembali kepada penerima zakat lainnya. Dengan menukil pendapat Yusuf al-

⁷ *Masalah daruriyah* ialah segala apek yang bersifat kemestian dalam kehidupan manusia dan oleh itu ia wajib ada sebagai syarat mutlak dalam kehidupan dan kemaslahatan manusia. *Masalah hajiyah* ialah segala yang menjadi keperluan dalam kehidupan supaya kehidupan mereka bahagia dan sejahtera serta terhindar daripada kemelaratan. *Masalah tahsiniyah* ialah suatu keperluan dalam kehidupan yang sifatnya sebagai pelengkap dan menyempurnakan kesejahteraan kehidupan manusia.

⁸ Temu bual dengan Muhammad Yasir Yusuf, mantan Pengarah Lembaga Amil Zakat Uthman Ibn Affan, Nanggroe Aceh Darussalam di Minden pada 25 Mei 2010.

Qaradawi (1993), beliau menyebut, proses penentuan penerima zakat yang didahulukan untuk menerima zakat produktif adalah di bawah bidang kuasa penuh amil zakat yang telah diakui dalam Islam.⁹

Muhammad Yasir Yusuf (2010) turut berhujah, keberkesanan pembiayaan mikro ini akan terbukti apabila pemberian zakat produktif dilakukan secara berterusan. *Maslahah* yang bersifat *daruriyah* pada penerima zakat akan terselesaikan secara perlahan-lahan tapi pasti ia berlaku. Setiap penerima zakat yang telah menerima zakat produktif akan berusaha untuk berdikari sehingga ia tidak lagi bergantung kepada zakat. Apabila mereka mampu berdikari, maka mereka bebas daripada kemiskinan. Hal ini berarti, maksud daripada syariah seperti menjaga agama, jiwa dan kemuliaan tercapai dengan baik. Oleh yang demikian, pembiayaan mikro ini pastinya lebih bermanfaat berbanding agihan zakat dalam bentuk sara diri yang mengakibatkan selamanya mereka bergantung kepada pengagihan zakat. Penerima zakat tidak mungkin akan terkeluar dari putaran kemiskinan.

Beliau seterusnya menyebut, pembiayaan mikro ini boleh disokong dengan hujah yang diberikan oleh al-Syatibi (1992) ketika menetapkan sesuatu dianggap mempunyai kemaslahatan. Al-Syatibi telah menetapkan tiga kriteria dalam menentukan *maslahah* iaitu:

- i. *Maslahah* adalah sesuatu yang masuk akal (rasional)
- ii. Kemaslahatan mesti selari dengan *maqasid syariah* secara keseluruhan. Ia tidak menafikan satu dasar daripada dasar-dasar tujuan syariah, juga tidak menafikan satu dalil daripada dalil-dalil *qat'i*.
- iii. Hendaknya ia memelihara perkara-perkara yang bersifat *dharuriyah* atau menghilangkan kepayahan dalam agama.

Daripada perspektif lain, Yusuf al-Qaradawi (1993) turut membincangkan pengagihan zakat ini melalui pembiayaan mikro. Beliau telah menggunakan qiyas membayar hutang golongan yang menanggung hutang. Beliau seterusnya mencadangkan pembiayaan tersebut diambil daripada satu dana khusus yang diwujudkan. Beliau turut turut menyebutkan pendapat daripada ulamak terdahulu. Abu Zahrah, 'Ab. Wahab Khallaf dan 'Ab. Rahman Hasan misalnya menyatakan,

⁹ Hal ini turut boleh disokong dengan kaedah *fiqhiyyah* : *يحتمل الضرر الخاص لدفع الضرر العام*, bermaksud, untuk menghalangi kemudaratan yang akan menimpa orang ramai, maka dibolehkan melakukan kemudaratan yang akan menimpa seseorang. Lihat Sayuti (tt: 117) di dalam tulisan beliau, *Kitab Asybah wan Nadhair, Muassah al kutub al Tahgafiyah*.

kalaulah zakat boleh digunakan untuk membayar hutang, maka lebih-lebih lagi ia boleh digunakan untuk memberi hutang.¹⁰

PEMBIAYAAN MIKRO DI BAITUL MAL ACEH

Antara negara Islam yang telah mengagihkan zakat melalui pembiayaan mikro ialah Baitul Mal Aceh. Baitul Mal Aceh merupakan amanah dari UU No. 11/2006 tentang pemerintahan Aceh yang menegaskan zakat, harta wakaf dan harta agama dikelolakan oleh Baitul Mal Aceh dan Baitul Mal Kabupaten/Kota. Qanun Aceh No. 10/2007 ialah tentang pembentukan Baitul Mal Aceh, Baitul Mal Kabupaten/Kota Baitul Mal Kemukiman dan Baitul Mal Kampong. Usaha ke arah memperkasakan dana zakat dalam bentuk produktif dinyatakan di dalam Qanun Aceh No. 10/2007. Qanun Aceh No. 10/2007, fasal 29 menyatakan, penerima zakat dalam bentuk produktif mesti memenuhi tiga syarat. Pertama ialah sudah mempunyai suatu jenis usaha produktif yang layak. Kedua ialah bersedia menerima petugas pendamping yang berfungsi sebagai pembimbing. Ketiga ialah bersedia menyampaikan laporan usaha secara berkala setiap enam bulan.

Jadual 2 : Agihan Zakat Untuk Sara Diri dan Produktif Bagi Tempoh 2003 - 2007

BIL.	TAHUN	PUNGUTAN	AGIHAN SARA DIRI	%	AGIHAN PRODUKTIF	%	BAKI
1	2003	Rp. 377,546,888	Rp. 208,986,502	55	-		Rp. 168,560,386
2	2004	Rp. 1,638,228,000	Rp. 856,262,000	52	-		Rp. 781,966,000
3	2005	Rp. 1,277,536,000	Rp. 1,277,536,000	69	Rp. 342,888,000	26	Rp. 53,217,000
4	2006	Rp. 3,619,664,000	Rp. 1,480,908,000	41	Rp. 286,600,000	8	Rp. 1,852,156,000
5	2007	Rp. 2,780,764,000	Rp. 1,354,678,000	48	Rp. 572,480,000	20	Rp. 853,606,000
JUMLAH		Rp. 9,693,738,000	Rp. 4,782,265,000		Rp. 1,201,968,000		Rp. 3,709,891,000

Sumber: Armiadi Musa Basyah (2009: 221 - 222)

Jumlah pungutan zakat bagi tempoh 2003 sehingga 2007 adalah sebanyak Rp.9,693,738,000, di mana agihan untuk sara diri sebanyak Rp.4,782,265,000 agihan untuk produktif sebanyak

¹⁰ Yusuf al-Qaradawi (1993) turut memetik pendapat daripada Muhammad Hamidullah yang menyatakan, al-Quran menyebut orang berhutang sebagai satu golongan yang boleh menerima zakat. Mereka terdiri daripada pertama ialah orang yang tidak mampu membayar hutang kerana miskin, dan kedua ialah orang yang perlu berhutang sama ada untuk dirinya ataupun masyarakat.

Rp.1,201,968,00 diagih melalui zakat produktif. Walaupun pengagihan zakat produktif dalam bentuk modal kerja di Baitul Mal Aceh bermula pada tahun 2005, namun secara resminya ia bermula pada tahun 2006 (Tim UPZP, 2007). Pada tahun 2007, zakat produktif yang diagihkan adalah sebanyak Rp.572,480,000 iaitu 20% daripada amaun pungutan zakat bagi tahun tersebut.

Pengagihan zakat produktif melalui pembiayaan mikro di Baitul Mal Aceh bermula dengan tertubuhnya Unit Pengelolaan Zakat Produktif (UPZP).¹¹ Pengurusan UPZP ini diletak di bawah Ketua Baitul Mal Aceh sendiri. Staf UPZP pula diberikan kuasa untuk menimbang dan meluluskan pembiayaan mikro dalam bentuk modal kerja kepada penerima zakat. Pembiayaan melalui modal kerja ini adalah bertujuan untuk meningkatkan ekonomi taraf hidup keluarga serta mendidik supaya rajin berkerja serta tidak mengharap bantuan daripada orang lain. Setiap pembiayaan yang diberikan penerimanya mesti membayar ansuran mengikut sektor masing-masing. Sektor perdagangan perlu membuat ansuran bulanan, manakala sektor pertanian dan penternakan pula ansuran perlu dibuat mengikut kesesuaian penerimaan hasil untuk sektor-sektor tersebut. Ansuran yang diterima itu akan digunakan untuk pembiayaan mikro seterusnya kepada penerima zakat yang baru.

Bagi memastikan penerima zakat berjaya dalam usaha masing-masing dan seterusnya mampu berubah menjadi pembayar zakat, Baitul Mal Aceh menetapkan beberapa kriteria pembiayaan mikro telah ditetapkan. Antara kriteria tersebut ialah pertama, memiliki iman dan taqwa. Kedua, jujur dan amanah. Ketiga, dari keluarga yang kurang mampu iaitu pendapatan lebih kecil dari keperluan hidup harian, pendapatan di bawah Rp.1,000,000 dengan mempunyai tanggungan minimum seramai 2 orang, dan rumah yang didiami tidak kekal dan tidak layak diduduki. Keempat, memiliki tempat usaha/perniagaan yang tetap dengan barangan perniagaan yang jumlahnya sedikit. Kelima, tidak bekerja sebagai pegawai kerajaan atau pegawai syarikat milik kerajaan mahupun pegawai swasta. Namun semua data yang diberikan oleh penerima dan kelulusan untuk pembiayaan mikro ini akan disahkan dan ditentukan oleh Tim UPZP di lapangan.

Jadual 2 mempamerkan bahawa pembiayaan mikro yang dilaksanakan di Baitul Mal Aceh melibatkan tiga sektor iaitu sektor perdagangan, sektor penternakan dan sektor pertanian.¹² Untuk ketiga-tiga sektor tersebut, jumlah pembiayaan mikro yang telah diberikan bagi tempoh 2005 - 2007

¹¹ Temubual dengan dengan Prof. Al Yasa' Abubakar (Ketua Dewan Syariah), Amrullah (Ketua Baitul Mal Aceh), Sayed Muhammad Husen (Ketua Bidang Pengumpulan) dan Ridwan Nurdin (Ketua Bidang Pengagihan) di Banda Aceh pada 18 Jun 2008.

¹² Untuk keterangan lanjut tentang zakat produktif khususnya untuk pembiayaan mikro di Baitul Mal Aceh, sila lihat Pengelolaan Zakat Produktif Pada Badan Baitul Mal Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam, susunan Tim UPZP bagi tempoh September 2006 - Oktober 2007.

adalah sebanyak Rp.1,201,968,000. Ia telah melibatkan seramai 445 penerima zakat atau peserta. Pembiayaan mikro tersebut lebih tertumpu kepada sektor perdagangan yang melibatkan seramai 288 peserta dengan jumlah pembiayaan sebanyak Rp.609,300,000. Ini diikuti oleh sektor penternakan seramai 103 peserta dengan jumlah pembiayaan sebanyak Rp.481,830,000. Peserta paling sedikit ialah di sektor pertanian iaitu seramai 54 orang dengan jumlah pembiayaan sebanyak Rp.110,838,000.

Jadual 2 : Pembiayaan Mikro Bagi Tempoh 2005 - 2007

Bil.	Sektor Pengagihan	Bil. Penerima	Peratusan	Amaun Pembiayaan	Peratusan
1.	Sektor Perdagangan	288	64.72	Rp. 609,300,000	50.69
2.	Sektor Penternakan	103	23.15	Rp. 481,830,000	40.09
3.	Sektor Pertanian	54	12.13	Rp. 110,838,000	9.22
Jumlah		445	100.00	Rp. 1,201,968,000	100.00

Sumber : diubahsuai dari Armiadi Musa Basyah (2009: 221 - 222)

Nota : Sektor perniagaan adalah termasuk Kelompok Usaha Bersama (KUBE) dengan jumlah pembiayaan sebanyak Rp. 50,000,000.

Majoriti penerima pembiayaan mikro di sektor perdagangan adalah antaranya terdiri daripada peniaga sayur-sayuran, kuih-muih, pakaian dan warung. Mereka yang terlibat dengan sektor ini mempamerkan kejayaan yang membanggakan. Misalnya penerima pembiayaan yang sebelumnya sebagai penjual sayur secara kecil-kecilan telah berubah menjadi pemborong sayur kepada penjual sayur yang baru memulakan usaha mereka.

Pembiayaan mikro untuk sektor perdagangan adalah menggunakan *al-qard al-hasan* iaitu pemberian pinjaman tanpa dikenakan apa-apa bayaran tambahan. Namun mereka boleh dikenakan bayaran perkhidmatan mestilah kos sebenar untuk menyediakan perkhidmatan tersebut (Abdul Rahim Abdul Rahman, 2007). Ansuran bulanan mestilah dibuat sesuai dengan jumlah pembiayaan yang diterima untuk tempoh selama setahun. Setakat ini, mereka yang terlibat di sektor perdagangan mampu membuat bayaran balik pada tahap 79% daripada amaun modal kerja yang diambil. Ini suatu kejayaan yang membanggakan kerana bank konvensional yang diuruskan secara profesional dan sudah lama terlibat dengan program ini mampu memungut bayaran balik pada tahap 60% daripada amaun yang diambil.

Pembiayaan mikro untuk sektor penternakan pula menggunakan *mudarabah* iaitu satu bentuk kerjasama antara dua pihak di mana pemilik modal (*shahibul amal*) menyediakan sejumlah modal kepada pengusaha (*mudharib*). Perkongsian keuntungan antara mereka dibahagikan mengikut nisbah yang dipersetujui oleh pihak-pihak yang terlibat (Abdul Rahim Abdul Rahman, 2007). Modal kerja disediakan dalam bentuk haiwan ternakan. Ia melibatkan ternakan lembu dan kambing. Bagi ternakan lembu (penggemukan lembu) perkongsian keuntungan diperoleh apabila lembu tersebut dijual. Keuntungan dibahagikan mengikut *mudarabah* antara Baitul Mal Aceh dengan peternak dengan nisbah 50 : 50. Perternak mendapat bahagian 50% dari keuntungan bersih, manakala Baitul Mal Aceh memperoleh 50% dari keuntungan bersih bersama dengan modal yang dikeluarkan untuk pembelian ternakan berkenaan.

Bagi perternak yang sanggup dan bermampuan, maka mereka diberikan kepercayaan untuk mendapatkan 1, 2 bahkan sampai 3 ekor lembu untuk digemukkan. Bagi ternakan kambing, setiap perternak diberi sebanyak 3 ekor kambing untuk setiap orang. Semasa pemeliharaan ternakan tersebut, Baitul Mal Aceh akan memantau perkembangan ternakan tersebut dari segi pengubatan dan pencegahan penyakit oleh pegawai haiwan.

Pembiayaan mikro untuk sektor pertanian diberikan kepada petani-petani di daerah-daerah miskin yang terpilih. Pembiayaan di sektor pertanian juga menggunakan *al-qard al-hasan*. Para peserta di sektor pertanian diagihkan zakat dalam bentuk sara hidup semasa menunggu hasil tanaman mereka dituai. Apabila hasil tanaman telah dituai, misalnya 40 untuk tanaman bayam atau 90 hari untuk tanaman kacang, maka ansuran modal kerja yang diambil perlulah dibayar sepenuhnya. Bagi mereka yang tidak mampu membayar sepenuhnya, maka ansuran dibuat bersesuaian dengan kemampuan masing-masing. Dengan pembiayaan mikro ini, petani telah dapat memperluas kawasan pertanian mereka sehingga pendapatan dan taraf hidup mereka menjadi lebih baik daripada sebelumnya.

Maklumat muktahir mempamerkan suatu kejayaan yang memberasangkan. Bagi tempoh 2006 sehingga 2009, seramai 1,094 orang usahawan kecil telah menerima zakat produktif dalam bentuk modal kerja dengan nilai pembiayaan mikro sebanyak Rp.2,094,000,000. Daripada jumlah tersebut, sebanyak Rp.1,400,000,000 telah berjaya dibayar balik. Manakala bagi tahun 2010 pula, sebanyak Rp.285,000,000 telah diberikan kepada seramai 79 orang penerima (Serambi, 23 Mei 2010).

Walaupun pelaksanaan pembiayaan mikro oleh Baitul Mal Aceh mempamerkan kejayaan, namun masih terdapat beberapa kelemahan. Antaranya, pertama ialah masih terdapat golongan yang telah menerima pembiayaan mikro ini tidak membuat bayaran balik. Mereka beranggapan dana zakat adalah hak mereka, oleh itu ia tidak perlu dibayar balik. Malah ada yang melarikan diri setelah mendapat pinjaman modal. Kedua ialah penerima zakat yang mendapat pinjaman modal daripada Baitul Mal mempunyai pelbagai karakter. Ia adalah antara masalah paling berat yang dihadapi oleh pihak UPZP. Oleh itu Tim UPZP wajib menyiapkan kekuatan mental untuk menghadapinya. Ketiga ialah UPZP sendiri masih belum mempunyai prosedur yang utuh dalam pengurusan pembiayaan mikro ini. Ini adalah antara cabaran semasa yang dihadapi oleh pihak Baitul Mal Aceh.

RUMUSAN

Pembiayaan mikro yang amalkan oleh Baitul Mal Aceh adalah selari dengan Qanun Aceh No. 10/2007, fasal 29, pengagihan zakat dalam bentuk produktif. Pengagihan zakat produktif melalui pembiayaan mikro pula masih berada dalam lingkungan syarak yang dibenarkan. Begitu juga dengan *aqad al-qard al-hasan* dan *aqad mudarabah*, ia masih lagi bersangkutan dengan hal-hal *ijtihadi* yang dibenarkan. Walau bagaimanapun, pengagihan zakat melalui pembiayaan mikro perlu diselidiki dengan lebih mendalam sama ada tentang *fiqh* ataupun mengenai operasinya. Untuk Baitul Mal Aceh pula, tindakan ke arah penambahbaikan kaedah pembiayaan mikro sedia ada perlu diambil terutamanya untuk memahamkan masyarakat betapa perlu pembiayaan mikro itu dibayar balik demi kepentingan penerima zakat lain. Begitu juga, apabila terbukti pembiayaan mikro adalah kaedah yang mampu menukarkan daripada penerima zakat kepada pembayar zakat, maka institusi zakat di negara-negara Islam, khususnya Malaysia, Brunei dan Singapura perlulah mempertimbangkannya untuk dilaksanakan di negara masing-masing. Apatah lagi pengagihan zakat melalui pembiayaan mikro ini adalah antara kaedah yang boleh dipastikan agihan zakat lestari dapat direalisasikan.

BIBLIOGRAFI

- Abdul Rahim Abdul Rahman, 2007. Islamic Microfinance: A Missing Component in Islamic Banking. *Kyoto Bulletin of Islamic Area Studies*, 1 - 2, 38 - 53.
- Al-Bukhari, Abu Abdullah Muhammad Ibn Ismail, 1979. Terj. Muhammad Muhsin Khan, *Sahih Bukhari*, Vol. II. Chicago: Kazi Publications.
- Armiadi Musa Basyah, 2009. *Pentadbiran Zakat di Baitul Mal Aceh: Kajian Terhadap Agihan Zakat Bagi Permodalan Masyarakat Miskin*. Tesis Ph.D, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Hasanah Abd Khafidz, 2006. *Asnaf Lapan: Kesan Nilai Semasa dan Setempat Dalam Menentukan Pentafsirannya Di Malaysia*. Tesis Ph.D, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Mujaini Tarimin, 2005. *Golongan Penerima Zakat: Agihan Dana Zakat Secara lebih Berkesan*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), Universiti Teknologi Mara.
- Ridzwan Ahmad, 2008. Metode Pentarjihan *Maslahah* dan *Mafsadah* Dalam Hukum Islam Semasa. *Jurnal Syariah*, Jld. 16 Bil. 1, 107 - 143.
- Rusjdi Ali Muhammad, 2003. *Revitalisasi Syariat Islam di Aceh: Problem, Solusi dan Implementasi*. Banda Aceh: IAIN Ar-Raniry.
- Serambi*, Seribuan Warga Aceh Peroleh Zakat Produktif, 23 Mei 2010.
- Tim Unit Pengelolaan Zakat Produktif (UPZP), 2007. *Pengelolaan Zakat Produktif Pada Baitul Mal Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam*. Banda Aceh: Unit Pengelolaan Zakat Produktif.
- Yusuf al-Qaradawi, 1999. Terj. Monzer Kahf, *Fiqh az-Zakat: A Comparative Study Study*, London: Dar Al Taqwa Ltd.